

11.3.2021_Harian Metro_MOSTI_ 585 bebuli vaksin dipulang semula

585 bebuli vaksin dipulang semula

Rembau: Hanya 585 vial (bebuli) vaksin Covid-19 keluaran Pfizer-BioNTech dipulangkan semula kepada syarikat itu selepas didapati rosak ketika dibawa ke negara ini.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Khairy Jamaluddin berkata, dos vaksin itu rosak ketika dalam perjalanan dari kilang di Belgium ke Malaysia.

Menurutnya, vaksin itu perlu disimpan dalam suhu kadar serendah negatif 70 darjah Celsius (-94 Fahrenheit) dan ke bawah.

"Suhu penyimpan vaksin itu berubah dan meningkat daripada negatif 70 kepada yang tidak boleh diterima oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

"Jadi 585 vial (bebuli) vaksin itu dipulangkan semula kepada syarikat Pfizer. Bagaimanapun jika mengambil kira jumlah dos vaksin yang diterima mencecah 500,000, nisbah itu adalah kecil.

"Pfizer akan menggantikan semula dos yang dipulangkan itu," katanya selepas melawat Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di Klinik Kesihatan Rembau di sini, semalam.

Turut hadir, Ahli Dewan

Undangan Negeri (Adan) Chembong, Datuk Zaifulbahri Idris dan Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan (JKNSN), Datin Dr Harlina Abdul Rashid.

Dalam pada itu, Khairy yang juga Menteri Penyelaras Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan berkata, setakat ini tiada kes kesihatan serius membabitkan penerima vaksin sebaliknya ia hanya alahan kecil dan dapat diselesaikan dalam tempoh 24 jam.

Menurutnya, setakat ini 150,000 individu terutama membabitkan petugas barisan hadapan sudah menerima suntikan vaksin dalam fasa pertama.

Katanya, proses suntikan vaksin fasa pertama ketika ini tidak perlu dipercepatkan kerana kadar ketika ini sudah dianggap yang terbaik selain ia juga bergantung kepada penjadualan penghantaran dos daripada pembekal.

"Jika jadual penghantaran vaksin dapat dibuat sepenuhnya pada Mac seperti dijanjikan pembekal, maka pada akhir bulan ini kita dapat selesaikan sekurang-kurangnya dos pertama kepada penerima yang tersenarai fasa pertama," katanya.